



BALAI SENI NEGARA
2, Jalan Temerloh, Off Jalan Tun Razak,
53200 Kuala Lumpur.
Tel : 03-40267000 Fax : 03-40244998
pr.artgallery@1govuc.gov.my
www.artgallery.gov.my



SIARAN MEDIA
UNTUK SIARAN SEGERA

PAMERAN SOLO PETER LIEW – THE FACE MENEMUI PEMINATNYA
OGOS INI

KUALA LUMPUR – Peminat Seni Tanah Air akan dipersembahkan dengan pameran solo Peter Liew yang ke-6 pada bulan Ogos ini mulai **30 Julai 2018 sehingga 26 Ogos 2018** bertempat di **Galeri Creative Space, Balai Seni Negara**. Peter Liew berasal dari Perak dan terlibat dalam bidang seni visual ini lebih dari 40 tahun. Beliau memperolehi pendidikan formal didalam bidang seni di Institut Seni Malaysia (MIA) dan telah menempa nama melalui pelbagai siri pameran dan pengiktirafan.

Pameran Solo beliau pada kali ini membawa satu nafas baru dalam kariernya kerana Peter Liew akan memaparkan sebanyak 30 buah karya portret yang menampilkan potret tokoh –tokoh tanah air, serta pemimpin dan ahli politik. Peter Liew yang dikenali sebagai salah seorang pelukis senior yang menggunakan medium cat minyak yang diinterpretasikan dengan gaya ekspresionisme dalam gaya lukisannya.

Gaya ini terkenal pada awal abad ke-20 di Eropah, dimana gaya ini cenderung mempersembahkan idea secara emosi berbanding fizikal. Subjeknya sebelum ini lebih bertemakan pemandangan lanskap dan binaan bangunan.

Majlis perasmian pameran ini akan diadakan pada 30 Julai 2018 (Isnin) jam 3 petang. Perasmian ini disempurnakan oleh YBhg. Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim, Pengerusi IIUM Holdings Sdn. Bhd. Orang ramai adalah dijemput hadir dan masuk adalah percuma.

###

Unit Komunikasi Korporat
Balai Seni Negara
No. 2 Jalan Temerloh Off Jalan Tun Razak
53200 Kuala Lumpur
Tel : 03-40267000 Fax : 03-40244998
pr.artgallery@1govuc.gov.my
www.artgallery.gov.my